

Jilid 1, 2011



Informika

JURNAL

peradaban informasi dan ilmu

Tema : Perpustakaan Pemangkin Peradaban

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Penerbit

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Sidang Editor

Shaharom TM Sulaiman (*Ketua*)
Wan Ab. Kadir Wan Dollah (*Timbalan Ketua Editor*)

Editor Pelaksana

Hasnah Hashim
Husain Hashim
Mohd Jailani Paiman
Mohamad Noorman Masrek
Mohd Sazili Shahibi
Siti Arpah Noordin
Zulkefli Mohd Yusop

Editor

Prof. Dr. Adnan Jamaludin – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Hj. Laili Hj. Hashim – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Fuziah Mohd Nadzar – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Madya Dr. Rusnah Johare – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dr. Sohaimi Zakaria – *Universiti Teknologi MARA*
Prof. Dato' Dr. Raja Abdullah Yaacob – *Universiti Teknologi MARA*

Editor Perunding

Prof. Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar – *International Institute of Advanced Islamic
Studies Malaysia*
Prof. Emeritus Dr. Abdullah Hassan – *Universiti Pendidikan Sultan Idris*
Prof. Dr. Ding Choo Ming – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah – *Universiti Malaya*
Dr. Roosfa Hashim – *Universiti Kebangsaan Malaysia*
Dr. Wan Ali Wan Mamat – *Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Alamat Penerbit

Kampus Puncak Perdana,
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
(Tel.: 03-7962 2020 Faks.: 03-7962 2007)

Harga: RM20.00 (Malaysia)
USD20.00 (Luar Negara)

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Kandungan

Perpustakaan Pemangkin Peradaban <i>Abu Hassan Hasbullah</i>	1-12
Perpustakaan Pemangkin Peradaban di Dunia Barat dan Melayu: Dulu, Kini dan Kelak <i>Ding Choo Ming</i>	13-26
Perkembangan dan Cabaran Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Pendidikan dan Latihan Pustakawan dan Profesional Maklumat <i>Adnan Jamaludin dan Shamsul Kamal Wan Fakeh</i>	27-36
Kredibiliti Maklumat Digital dari Internet <i>Mohd Sazili Shahibi, Hasnah Hashim, Juwahir Ali dan Muhamad Khairul Nizam Zaini</i>	37-44
Keberkesanan Institusi Masjid dalam Penyebaran Ilmu dan Maklumat: Satu Kajian Kes <i>Rosnita Sahrani, Imilia Ibrahim dan Valentino Abu Bakar</i>	45-52
Epistimologi Ilmu dalam Islam: Asas Falsafah Pengurusan Ilmu dan Maklumat <i>Yaacob Yusoff Awang dan Mohd Zafian Mohd Zawawi</i>	53-62
Pengurusan Rekod dan Undang-Undang <i>Abdul Rahman Ahmad, Khairul Mizan Taib dan Ahmad Nazri Mansor</i>	63-74
Pengurusan Risiko dalam Pengurusan Rekod Elektronik <i>Azman Mat Isa dan Aliza Ismail</i>	75-90
Perkhidmatan Maklumat Atas Talian Melalui Aplikasi Web 2.0 <i>Zulkefli Mohd Yusop, Yamin Kamis dan Hasnah Hashim</i>	91-102
Faktor-faktor Kesedaran Terhadap Perpustakaan Digital di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia <i>Razilan A. Kadir, Wan Ab. Kadir Wan Dollah, Mohd Sazili Shahibi dan Diljit Singh</i>	103-120
Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan <i>Rahimin Affandi Abd Rahim, Alias Azhar, Mohd Kamil Abd Majid dan Nor Hayati Md Dahlal</i>	121-136
Kompetensi untuk Profesional Maklumat di Zaman Masyarakat Bermaklumat <i>Ahmad Azman bin Mohamad Ramli</i>	137-146
Keterpesonaan Terhadap Perpustakaan: Belajar dari Catatan Sejarah <i>Shaharom TM Sulaiman dan Wan Ab. Kadir Wan Dollah</i>	147-149

Suggested Cataloguing-in-Publication Data

Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu

Vol. 1 (2011) -

Shah Alam: Fakulti Pengurusan Maklumat

ISSN 2231-7104

1. Library science - Periodicals.
2. Library science - Malaysia - Periodicals.
3. Library science - Developing countries - Periodicals. I. FPM II. Z671

@ 2011 Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

Pendapat dalam makalah yang disiarkan tidak semestinya mewakili pendapat Editor jurnal ini atau pengurusan pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM.

INFORMIKA

JILID 1, 2011

Iftitah Editor

Para pemikir dan futuris telah pun meramalkan dan akan terus meramal, bahawa abad ini dan abad mendatang akan diwarnai oleh informasi. Inilah abad yang dilabel *information revolution, information exchange, information as commodity* dan berbagai lagi slogan berkaitan yang merentas peradaban manusia.

Peradaban manusia diwarnai oleh ilmu dan informasi yang bermakna, yang memberi erti kepada peradaban itu sendiri. Dalam peradaban ini, penguasaan ilmu dan informasi menjadi aktiviti utama sama ada pengurusan, perolehan, pengumpulan, penyebaran, penyusunan, dan apa sahaja yang memberi erti informasi berguna kepada masyarakat dan peradaban itu sendiri.

'*Informika*' lahir dari keinginan besar untuk memberi makna kepada ilmu dan informasi yang manfaat kepada masyarakat, sarjana, intelektual, pustakawan, pekerja ilmu, pekerja maklumat dan karyawan. Pokoknya, segala profesi dan bidang kerjaya maklumat ilmu dan informasi mendapat tempat yang sewajarnya. '*Informika*' berminat dengan segala permasalahan ilmu dan informasi. Atau dengan kata lain, jurnal ini ingin membuka seluas-luasnya gerbang ilmu dalam sains informasi kepustakawanan, pengurusan sistem dan rekod, dunia buku dan penerbitan, manuskrip dan koleksi khas, komunikasi dan media, hatta pengajian masa depan (*future studies*) turut mendapat tempat. Itulah hal-hal yang mewarnai peradaban informasi, yang telah dilalui, sedang dilalui dan akan terus dilaluinya. '*Informika*', berkeinginan besar untuk menjadi jurnal berwasit dunia informasi berbahasa Melayu yang dihormati, disegani di rantau DUNIA MELAYU ini.

Untuk itu, '*Informika*' mengundang para pemikir, sarjana, pustakawan, pakar maklumat, pakar media dan komunikasi, para penyelidik termasuk 'orang-orang kecil' yang berminat dengan '*Informika*' ini untuk menyumbang pandangan. Dengan kata lain, '*Informika*' berharap akan menjadi wadah dan suara bicara. Untuk itu, '*Informika*' sedia dikritik, ditegur kerana itu sebahagian dari proses yang akan memamatkan kelangsungan *Informika: Jurnal Peradaban Informasi*.

Dalam keluaran sulung ini, '*Informika*' memfokuskan tema 'Perpustakaan Pemangkin Peradaban'. '*Informika*' terpenggil untuk mengajak para pembaca menghayati kembali semangat leluhur sebuah tradisi yang telah sejak berabad dan berzaman mencemerlangkan dan mencerdaskan peradaban manusia tanpa henti dan jemu. Itulah sebuah tradisi mulia yang tidak pernah 'mati' dan akan terus 'hidup', iaitu sebuah tradisi bernama 'perpustakaan dan kepustakawanan'.

Apa tidaknya, dalam 'rahim' perpustakaan, lahirlah pustakawan 'par excellence' sekaligus menjadi ilmuwan tersohor, saintis, matematikawan, failasuf. Nama-nama cemerlang seperti Musa Al-Khawarizmi, Al-Farabi, Mohammed Khatami, sebagai contoh, lahir dari tradisi gemilang tersebut. Mereka bukan pustakawan yang 'teknis' dan 'rutin' dengan kerja-kerja mekanistik maklumat tetapi seorang yang berilmu sekaligus seorang sarjana. Mana mungkin sebuah tradisi yang hebat hanya disertai oleh mereka yang tidak ada 'pilihan kerjaya', tidak mencintai ilmu, buku dan wacana tinggi. Dengan kata lain, kita memerlukan sebuah perspektif holistik dalam membentuk citra 'Pekerja ilmu' dan 'Pekerja Maklumat' yang mewarisi tradisi perpustakaan hari ini.

Perpustakaan sebenarnya adalah 'roh' peradaban. Kerana itulah dalam sejarah penaklukan dunia, bangsa Monggol membakar dan menjarah Perpustakaan-perpustakaan

di Baghdad, bangsa Rom menjarah Perpustakaan Iskandariah di Mesir, perpustakaan tertua dunia yang menyimpan jutaan 'papyrus' warisan leluhur manusia, bangsa Serb menjarah Perpustakaan Sarajevo yang menyimpan lima ribu manuskrip dalam bahasa Parsi, Arab, Russia dan Turki; kerana semua bangsa penakluk tahu untuk membunuh kelangsungan bangsa yang ditakluknya ialah dengan memusnahkan perpustakaan kerana di dalamnya terkumpul khazanah keintelektualan sesebuah bangsa. Itu cara terbaik untuk 'melenyapkan' sebuah bangsa dan identitinya. Perpustakaanlah yang memberi makna pada peradaban itu sendiri dan bukannya 'artifak', bangunan besar, kerana dalam perpustakaan tercermin segala khazanah kebijaksanaan, kebijakan, keilmuan dan keintelektualan manusia. Benarlah kata Samuel Johnson, seorang pemikir Amerika, *'No place affords a more striking conviction of the vanity of human hopes than a library'*. Esei oleh Abu Hassan Hasbullah dan Ding Choo Ming dalam keluaran sulung *'Informika'* ini membuktikan dan merefleksikan kecemerlangan tradisi tersebut.

SELAMAT MEMBACA!

Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan

Rahimin Affandi Abd Rahim, Alias Azhar,
Mohd Kamil Abd Majid dan Nor Hayati Bt Md Dahlal
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
E-mel: faqir_ila_rabbih@um.edu.my

ABSTRAK

Perubahan ke atas masyarakat dilihat secara makro, daripada aspek pemikiran, pendidikan, sosio-budaya, ekonomi, politik dan sebagainya amat dipengaruhi dan dikesani oleh pembangunan pesat sains dan teknologi. Oleh yang demikian, persoalan-persoalan sains dan teknologi terlibat secara langsung dengan realiti kehidupan manusia dan sentiasa berkembang selaras perkembangan intelektual manusia itu sendiri. S&T juga sentiasa mencipta masalah hukum yang lebih komplikated dan sofistikated serta menanti jawapan fiqh Islami yang konsisten dengan sifat fleksibel dan relevan pada setiap era kehidupan insan. Sekaligus, memaksa para mujtahid untuk menggarapkan segala usaha kepakaran ijtihadnya bagi mencari resolusi dan konklusi hukum yang berwibawa. Dalam soal ini, proses pemikiran yang dinamik ini merupakan pemangkin kepada lahirnya kronologi ilmu pengetahuan yang menjana fungsi akal secara optimum. Aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian Syariah menjadi intisari dan fokus utama perbincangan untuk mendapatkan beberapa konklusi jitu yang mampu menyumbang kepada pembangunan sistem pengajian Syariah. Ia juga bakal memberikan suntikan idea ke arah pembaharuan kurikulum pengajian Syariah moden yang memiliki kredibiliti unggul setaraf dengan tradisi keilmuan Islam zaman kegemilangan silam.

Kata kunci: *Pengajian Syariah; Epistemologi; Pemikiran; Saintifik*

PENDAHULUAN

Penulis mendasarkan perbincangan di sini dan membentuk kerangka teori berasaskan kepada cetusan pendapat sarjana kontemporari berhubung keperluan interaksi dan integrasi pengajian sains perubatan dan pengajian Syariah. Selain itu, beberapa idea bernas yang telah dibangkit oleh fuqaha semasa berkaitan perkembangan pengajian Syariah sebagai satu disiplin ilmu yang sentiasa bersifat dinamik, realistik serta sentiasa *up-to-date*. Kesenambungan itu, Prof. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, turut mengembangkan idea ini dengan mengulas tentang perlunya pengajian Syariah ini mengalami perubahan dan pembaharuan disebabkan keperluan masyarakat yang berubah sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi.

Sebelum kelahiran ilmu sains dan teknologi itu sendiri, telah wujud ilmu falsafah ulung yang dipelopori oleh saintis muslim seperti Al-Farabi dan Ibn Sina. Falsafah merupakan perkataan berasal daripada bahasa Yunani yang dipinjam oleh bahasa Arab. Terbentuk daripada dua kata kerja Philo dan Sophia. Philo beerti cinta dan Sophia membawa makna hikmah atau kebijaksanaan. Oleh itu, Philosophia atau falsafah bermakna cintakan hikmah

atau cintakan kebijaksanaan. Malah rumusan makna falsafah secara umum ialah, ilmu yang istimewa sebagai berfungsi mencuba menjawab masalah yang tidak dapat dijawab oleh ilmu pengetahuan biasa, kerana masalah tersebut di luar jangkauan ilmu pengetahuan biasa.

AKAL DAN PEMIKIRAN: PERSPEKTIF FUNGSIONAL

Akal merupakan bahagian terpenting dalam kehidupan manusia, justeru, ianya dikategori sebagai salah satu elemen yang perlu dipelihara termasuk agama, nyawa, maruah dan harta. Kelima-lima elemen tersebut terkandung dalam visi dan misi syariat Islam. Wahyu sebagai sumber ilmu yang utama tidak menafikan sama sekali potensi fungsional akal. Al-Quran mengiktiraf kepentingan dan keperluan akal. Selain itu, menurut epistemologi Islam, akal dianggap sebagai sumber kedua selepas wahyu.

Menurut Edward De Bono, dalam merumuskan falsafah pemikiran tiga orang tokoh pemikir silam iaitu Socrates, Plato dan Aristotle, bahawa sistem pemikiran adalah berdasarkan kepada 4 elemen iaitu, pertama; analisis, kedua; penilaian, ketiga; hujah dan keempat; kritikan. Menurut beliau lagi, tahap pemikiran pula terbahagi kepada lima iaitu;

1. Menunjukkan matlamat.
2. Menunjukkan maklumat.
3. Tahap kemungkinan.
4. Menapis, memeriksa dan memilih penyelesaian yang sesuai.
5. Menunjukkan langkah tindakan.

Selain itu, proses asas pemikiran pula terdiri lima langkah utama bermula dengan umum/spesifik, kedua; unjuran, ketiga; mengarah perhatian, keempat pengiktirafan dan proses terakhir pergerakan. Gagasan ulung dan berotoriti Edward De Bono berkaitan pemikiran ialah,

"pembelajaran pemikiran harus dijadikan subjek penting dalam pembentukan kemahiran".

Sehubungan itu, terdapat di kalangan sarjana yang telah mengemukakan teori kepentingan mengetahui selok-belok berfikir sebagai satu kemahiran utama dalam kehidupan. Proses berfikir melibatkan interaksi antara pengetahuan, kemahiran kognitif dan sikap atau nilai dalam minda. Selain itu, terdapat beberapa jenis pemikiran seperti kritis, kreatif, konvergen, lateral, menegak, penaakulan dan sebagainya. Menurut sains otak, wujud dua hemisfera otak iaitu otak kanan atau HOKA dan otak kiri atau HOKI. Selanjutnya, teori ini telah mengklasifikasikan manusia kepada dua kelompok utama iaitu, manusia yang hebat *hokanya* ialah terdiri daripada ahli-ahli seni dan kreativiti, manakala yang kuat *hokinya* pula, terdiri daripada ahli sains dan teknologi. Secara tidak langsung, boleh difahami di sini, bahawa kemahiran berfikir manusia terbahagi kepada dua iaitu, sains dan sastera.

Aspek kecenderungan *hoka* dan *hoki* juga dianggap pasangan kepada intelek, yang terdiri daripada rasional (*hoki*) dan intuitif (*hoka*). Namun tidak dinafikan bahawa, kemahiran berfikir yang efektif dapat diaplikasi melalui adaptasi kedua-dua kecenderungan tersebut dalam proses membuat keputusan. Ini jelas dalam kaedah saintifik Islam elemen intuitif diaplikasikan sebagai elemen pemikiran saintifik yang sangat besar makna simbolisnya. Dalam kajian sains, aspek berfikir juga akan membawa kepada pertimbangan intelek, kerana ahli sains bukan sahaja memberikan penjelasan tentang benda dan aktiviti yang

dilakukan semata-mata. Bahkan, turut menawarkan penerangan tentang kelakuan benda-benda tersebut.

Kemahiran berfikir mempunyai asas yang rapat dengan jenis dan cara belajar individu. Bagaimana proses pembelajaran dan tindakan banyak berkait rapat dengan cara berfikir. Begitu juga halnya, cara individu tertentu menanggapi sesuatu realiti, banyak dipengaruhi oleh pola pemikiran. Aplikasi elemen pemikiran yang komprehensif, memerlukan kepada strategi dan mekanisme berfikir yang konstruktif. Secara literalnya, proses berfikir melibatkan terma tindakbalas yang berlaku dalam mental manusia, turut melibatkan beberapa peringkat aktif seperti berikut:

- i. mengenal dan memahami masalah.
- ii. mencari maklumat sebagai penyelesaian.
- iii. membuat penolakan setelah menimbangkan segala kemungkinan penyelesaian.
- iv. menilai hipotesis yang dibuat.
- v. membuat keputusan.

PEMIKIRAN SAINTIFIK: SATU PENGENALAN

Pemikiran saintifik dalam fokus perbincangan ini, adalah menjurus kepada strategi dan mekanisme berfikir yang diaplikasikan dalam kaedah saintifik. Secara umumnya, mekanisme pemikiran saintifik adalah bermatlamatkan memperolehi ilmu pengetahuan. Rasionalnya, sebahagian besar ilmu pengetahuan daripada semua bidang ilmu, adalah terhasil daripada penyelidikan ahli-ahli ilmu dalam bidang berkaitan. Namun begitu, sesuatu penyelidikan itu perlu dilaksanakan dengan mengaplikasikan kaedah berfikir yang saintifik sifatnya. Natijah ilmunya, barulah boleh dianggap sebagai satu sumbangan yang baru dan bermanfaat kepada bidang ilmu berkenaan.

Sesuatu yang pasti ialah “saintifik” memang berasal daripada “sains”. Namun, dalam perbincangan di sini, penulis tidak meluaskan skop sains dengan maksud ilmu pengetahuan atau penggunaan ilmu pengetahuan yang berkait dengan alam kebendaan. Perkara yang menjadi fokus di sini, ialah elemen pemikiran yang digarapkan dalam penyelidikan sains bagi menerangkan fenomena-fenomena melalui pendekatan yang dinamakan kaedah saintifik. Secara holistiknya, kaedah ini bergantung kepada logik penaakulan akal manusia dan berdasarkan fakta yang munasabah menurut perspektif pemikiran manusia. Selain itu juga, sesuatu prinsip yang dihasilkan oleh sains mestilah boleh diuji secara empirik.

Justeru, setiap hasil kajian atau penemuan boleh diulang kaji oleh sarjana lain yang menggunakan kaedah yang sama. Lantaran itu, setiap penyelidik perlu menerangkan secara terperinci tentang kaedah yang digunakan, tanpa menyembunyikan sesuatu. Resolusi awalan yang boleh dibuat, bahawa sains adalah proses mengumpul fakta, mengklasifikasikannya dan menegakkan fakta. Aspek yang lain pula, fakta sains bersifat tidak mutlak, sebagaimana difahami tentang takrif fakta yang sebenar, iaitu, tidak boleh dipertikaikan lagi atau sesuatu yang tidak boleh berubah. Hakikatnya, fakta sains adalah bersifat relatif dan mengalami perubahan. Malah fakta dalam konteks sains, hanya terhad dalam perspektif ilmiah semata-mata.

Secara praktisnya, kepentingan utama yang menjadi rujukan penulis ialah, usaha saintifik adalah bertujuan mengetahui (apakah) dan memahami (bagaimanakah dan mengapakah).

Elemen pemikiran saintifik yang mendasari kajian juga, adalah bebas daripada keterikatan perbincangan falsafah sains itu sendiri. Penulis tidak menafikan hubungan yang wujud antara falsafah dan sains. Sebagaimana pandangan Baharudin Ahmad yang menyatakan bahawa, sains dan teknologi hanya akan wujud apabila falsafah sains itu jelas dapat dikemukakan. Namun, justifikasi daripada kenyataan beliau, lebih merujuk kepada agenda islamisasi sains.

Falsafah antara lainnya, bertujuan untuk menjelaskan lagi kepada kita berkaitan perkara yang difikirkan. Manakala pemikiran pula, tidak dapat disamakan dengan mengetahui, kerana kita hanya akan mengetahui selepas berfikir. Bahkan, berfikir itu, adalah proses untuk mengetahui. Bagaimana pun, pengertian falsafah secara poplarnya ialah berfikir. Hakikatnya, jika kita hanya berfikir sahaja, tidak semestinya kita boleh telah dikategorikan sebagai berfalsafah. Malah menurut Abdul Rahman Abdullah, berfikir secara falsafah seharusnya mengandungi ciri-ciri seperti berikut:

1. Berfikir secara radikal, iaitu secara mendalam hingga ke akar umbinya atau asal-usulnya dan hakikatnya.
2. Berfikir secara universal, iaitu menurut pengalaman manusia umumnya, bukannya secara khusus dan terbatas.
3. Berfikir secara integral, iaitu berpadu secara lengkap pada masing-masing bahagiannya.

Berdasarkan ciri-ciri ini, kita lihat falsafah daripada perspektif sejarah perkembangannya telah dianggap sebagai induk ilmu pengetahuan seluruhnya. Falsafah juga telah melahirkan cabang-cabang ilmu pengetahuan lain. Antaranya matematik, perubatan, kimia, fizik dan sebagainya, yang terkandung dalam kurikulum pengajian sains, begitu juga kurikulum pengajian Islam. Selain itu juga, menurut Abdul Latif Samian, pemikiran saintifik tidak terpisah daripada falsafah. Malah menurut beliau lagi, aspek terpenting yang wujud dalam hubungan antara kedua-duanya ialah, pemikiran menjadi isu fundamental dalam konteks menentukan saintifik atau tidak sesuatu bidang ilmu itu.

Kebolehan berfikir amat bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman seseorang. Ringkasnya, lebih banyak pengetahuan dan pengalaman yang ada pada diri seseorang, lebih besar kemungkinan untuknya berfikir dan memberi cadangan penyelesaian yang membina. Namun dalam aplikasi kaedah saintifik, selain bersifat objektif bukan subjektif, ianya juga bercirikan bebas daripada pertimbangan nilai. Jelas di sini, bahawa penyelidikan saintifik tidak boleh dipengaruhi oleh unsur-unsur nilai luaran, seperti latar belakang pendidikan, keluarga, rakan sebaya, persekitaran sosial dan sebagainya. Rasionalitinya, ialah bagi mengelakkan berlaku bias dan prejudis dalam penyelidikan yang akan memberi kesan kepada hasil penyelidikan.

Kriteria kaedah saintifik turut membuktikan bahawa masyarakat berhak menilai dan mengawal aspek aktiviti penyelidikan. Terkandung dua ciri utama bagi semua bidang penyelidikan saintifik iaitu: (1) darjah kawalan yang dikenakan sesuatu penyelidikan itu, dan (2) kawalan itu perlu terbuka kepada orang ramai untuk memeriksanya. Bagi ciri kedua, membawa erti besar kepada persoalan kredibiliti dan integriti penyelidik. Justeru, difahami bahawa sesuatu karya berteraskan penyelidikan saintifik boleh dinilai dan diperiksa oleh masyarakat. Para penyelidik tidak boleh menyembunyikan fakta atau metodologi kajian yang digunakan.

Kajian ini telah menemui aspek umum berkaitan perbezaan yang wujud antara sains Islam dan Barat. Namun seperti yang ditekankan dalam kajian ini ialah, titik persamaan yang wujud antara kedua-duanya. Aspek perbezaan adalah meliputi tiga perkara iaitu, aspek falsafah, metodologi dan konseptual. Perbezaan ini hampir tidak dapat dipastikan, jika tiada pendedahan tentang historikal sains, yang menjelaskan tentang epistemologi berbeza antara sains Islam dan Barat.

Perkara ini harus difokuskan, agar dapat menafikan spekulatif negatif berhubung dengan apa yang bakal dibincangkan selanjutnya. Dua konotasi negatif telah timbul, dalam rangka usaha menafikan sumbangan bermakna para saintis Muslim dalam usaha Islamisasi sains. Pertamanya, dilabelkan sebagai aliran saintisme Islam, yang bermaksud kekaguman berlebihan terhadap kemajuan sains dengan kaedah-kaedah saintifik. Kedua, aliran akomodasionisme, sebagai usaha menyesuaikan atau menyelaraskan ajaran-ajaran agama yang bersifat tetap dengan prinsip-prinsip sains moden yang berubah-ubah.

Pemikiran saintifik merupakan satu kemahiran untuk berfikir mengenai alam dan fenomenanya mengikut satu set kaedah dan metodologi yang spesifik. Kaedah-kaedah yang spesifik termasuklah;

- a) Persoalan yang dikaji
- b) Teori dan konsep yang berkaitan
- c) Merangka dan menguji hipotesis
- d) Merekabentuk eksperimen atau kajian
- e) Memahami apa yang dicerapkan dalam eksperimen
- f) Membuat inferens dari hasil kajian
- g) Mengaitkan data dengan teori yang mendasari kajian
- h) Membuat kesimpulan.

Di sini terkandungnya kaedah berfikir secara induksi, deduksi, logik, analogi, kreatif dan menggunakan statistik dalam setiap langkah yang diaplikasi dalam pemikiran saintifik.

Merujuk khusus kepada kaedah berfikir secara logik atau boleh diertikan sebagai kaedah mantik, amat berperanan sebagai mekanisme pemikiran yang sah bersama-sama dengan fakta atau bukti yang disahbenarkan. Untuk memastikan kebenaran dan memahami persoalan kajian dengan lebih mendalam, kaedah deduktif dan induktif turut diadaptasikan secara efektif. Deduktif ialah membuat kesimpulan daripada maklumat umum kepada khusus. Ia adalah satu proses membuat kesimpulan dengan berfikir secara logik. Melalui proses deduktif kesimpulan atau rumusan dibuat daripada maklumat dan fakta yang ada. Oleh yang demikian, deduktif dapat dirumuskan sebagai proses mental membuat kesimpulan daripada keadaan yang umum kepada yang khusus. Induktif pula ialah proses membuat kesimpulan daripada khusus kepada umum. Ia adalah cara taakulan yang mendapat hukum umum dari hal yang tertentu.

Kaedah logik sebagai elemen pemikiran saintifik turut mendapat maklumbalas dan reaksi berbeza daripada kalangan sarjana berhubung keserasian agama dan sains dalam konteks aplikasi logik. Ahmad Mahzan berpendapat, kaedah pemikiran logik mencetus kontradiksi jelas antara agama dan sains. Persepsi akademik beliau, bahawa aplikasi logik tidak relevan dalam konteks akidah. Namun respon berbeza diberikan oleh sarjana-sarjana pemikiran Islam lain, begitu juga, penulis melihat elemen pemikiran logik amat realistik

dan praktik dalam pemikiran fiqh bagi mengukuhkan instrumen tafaqquh. Sehubungan itu, teknik penyelesaian masalah berasaskan pemikiran logik meliputi tiga langkah utama iaitu: pertama; mendefinisikan masalah, kedua; mengkategorikan masalah, dan ketiga; alternatif penyelesaian.

Pemikiran logik amat memerlukan garapan bersama dengan pemikiran kritis dan kreatif. Kedua-dua kemahiran berfikir ini, merupakan asas terpenting dalam usaha mencapai keabsahan dan kebolehpercayaan teori atau keputusan berdasarkan logik. Kritis dan kreatif mampu mendorong individu untuk menguji kebenaran sesuatu perkara atau masalah agar tidak membentuk kesimpulan yang salah. Di samping, dapat membentuk keupayaan memproses maklumat dan menghasilkan sesuatu yang baru. Dalam konteks yang lebih luas, kritis dan kreatif boleh digunakan secara optima dalam proses menyelesaikan masalah atau membuat keputusan. Kedua-dua elemen pemikiran ini mempunyai fungsi yang berbeza, namun dalam aplikasi saintifik kedua-duanya boleh digabungkan serentak bagi memperolehi hasil yang jitu. Jadual di bawah menunjukkan fungsi pemikiran kritis dan kreatif dalam aplikasi penyelidikan saintifik:

Jadual 1: Fungsi & Perbezaan Pemikiran Kritis Dan Kreatif

PEMIKIRAN KRITIS	PEMIKIRAN KREATIF
Mencirikan	Menjana idea
Membandingkan dan membezakan	Membuat inferens
Mengumpul dan mengelaskan	Menghubungkaitkan
Membuat urutan	Membuat hipotesis
Menyusun ikut keutamaan	Mengitlak
Menganalisis	Menganalogi
Menilai	Membuat gambaran mental
Membuat kesimpulan	Mereka cipta

Elemen pemikiran saintifik seperti analogi atau diistilah dalam pengajian Syariah sebagai al-qiyas, adalah penting dalam kaedah pengajaran terutamanya apabila konsep yang disampaikan ialah berasaskan teori yang rumit. Analogi seperti pentakrifan Abdul Latif Samian, ialah satu proses meminjam konsep atau idea yang sedia ada dalam memahami fenomena atau situasi yang baru. Proses analogi turut menggunakan kaedah abduksi, dan ianya terdiri daripada objek, peristiwa situasi yang berkongsi kesamaan ciri atau pola dari segi aspek-aspek luaran atau mekanisme. Selain itu, penggunaan kaedah analogi ini lebih penting dalam pemikiran saintifik untuk memahami konsep, mekanisme atau menerbitkan inference bagi menyelesaikan masalah baru dan membina konsep-konsep atau hukum-hukum umum. Konklusinya, mencipta analogi ialah membentuk kefahaman tentang suatu konsep secara mengaitkan konsep itu dengan konsep lain yang mempunyai ciri yang serupa. Kemahiran ini juga digunakan untuk memahami konsep yang abstrak.

Membentuk analogi memerlukan strategi terancang untuk memastikan analogi yang dibuat bertepatan dan munasabah. Berikut adalah langkah-langkah yang harus diikuti dalam strategi membina analogi:

Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan

1. Kenalpasti apakah persamaan-persamaan yang terdapat pada objek atau idea yang cuba kita fahami.
2. Pastikan persamaan yang dibuat adalah signifikan atau bermakna.
3. Kenalpasti perkara yang kita tahu tentang objek pertama, tetapi kita tidak tahu tentang objek kedua atau lainnya.
4. Perhatikan sama ada terdapat perbezaan di antara kedua-dua objek atau idea yang boleh memberi kesan terhadap perkara yang cuba kita fahami.
5. Kesimpulan apakah yang boleh kita buat berdasarkan perkara yang cuba kita fahami melalui analogi yang kita buat.

Kelebihan fungsional elemen pemikiran dan kaedah saintifik adalah tertakluk kepada strategi aplikasinya. Sejauhmana strategi dibuat dan dilaksanakan secara sistematik, merupakan prasyarat bagi mencapai tujuan penyelidikan, di samping meminimalkan kesalahan atau ralat. Perkara ini diingatkan, agar ciri penyelidikan dapat dipenuhi, antara ciri penyelidikan ialah sistematik, iaitu ia melibatkan langkah-langkah yang teratur dan dilakukan peringkat demi peringkat.

Seterusnya, pemikiran reflektif yang berunsurkan memberi penekanan kepada urutan idea yang memberi kesan kepada perlakuan. Tujuan pemikiran reflektif ialah, (1) bertindak, iaitu dalam bentuk paling ketika membuat keputusan, (2) menilai tindakan dan (3) penilaian kritikal, iaitu menilai secara keseluruhan bagi tujuan pembaikan. Individu yang mengaplikasikan pemikiran reflektif mampu menghadapi segala halangan sama ada peribadi atau profesional. Selain itu, dalam usaha mengimplementasikan pemikiran ini, individu perlu memiliki pemikiran terbuka, iaitu kesediaan menerima idea-idea orang lain, bersungguh-sungguh menyelesaikan sesuatu permasalahan dan yakin serta berani bertanggungjawab akibat daripada keputusan yang diambil. Perkara paling penting di sini, dengan mengamalkan sikap terbuka dan positif, mampu membentuk pemikir reflektif yang berkesan dan berfungsi.

Seterusnya, elemen pemikiran metakognitif pula dilihat sebagai induk dalam aplikasi selektif pemikiran terbaik dalam penyelidikan. Metakognitif ialah berfikir berkenaan proses berfikir yang digunakan semasa memproses maklumat. Dalam erti lain, kita mengurus pemikiran dan menentukan jenis-jenis kemahiran berfikir yang sedang digunakan. Strategi asas dalam proses metakognitif ialah;

1. Mengaitkan maklumat baru dengan pengalaman/pengetahuan sedia ada.
2. Memilih strategi berfikir secara sedar.
3. Merancang, memantau dan menilai proses berfikir.

Pemikiran metakognitif amat penting dalam rangka memastikan tujuan penyelidikan dapat dicapai secara optima. Secara holistiknya, kemahiran berfikir secara saintifik memberikan implikasi positif ke arah pembentukan minda yang proaktif dan reflektif. Pemikiran saintifik berupaya menyediakan seseorang dengan kebolehan-kebolehan berikut:

1. Berupaya menerokai fenomena baru dengan menggunakan pengetahuan sebelumnya.
2. Penanaman pemikiran kritis supaya dapatan yang kurang jelas atau boleh dicabar akan dapat dikenalpasti.
3. Berupaya memberi hipotesis atau ramalan ke atas sesuatu perkara berdasarkan maklumat sedia ada.

4. Menyedari bahawa pembuktian sesuatu jangkaan mestilah diperolehi melalui pemerhatian atau eksperimen.
5. Berupaya untuk menguji dan menjalankan ujikaji hipotesis.
6. Berupaya menyelidiki pengaruh sesuatu angkubah terhadap angkubah lain.
7. Berupaya memahami perhubungan di antara angkubah dan pemahaman satu-satu konsep.

Penyelidikan ilmiah yang menggunakan pendekatan saintifik adalah bercirikan sistematik, logik, empirik, reduktif dan replikasi serta terkawal. Seterusnya, penyelidikan saintifik melibatkan beberapa konsep asas seperti, pengukuran, kebolehpercayaan, kesahihan, kawalan, rancangan, keumuman dan unit analisis. Konsep-konsep tersebut penting dalam menentukan mutu dan tahap keyakinan terhadap penemuan dan kesimpulan suatu penyelidikan.

Namun selain aspek pemikiran, strategi berfikir dan konsep-konsep asas, elemen kedua terpenting yang mendasari penyelidikan saintifik ialah alat atau mekanisme yang digunakan dalam kaedah saintifik. Antara alat terpenting dalam menjayakan kaedah saintifik ialah andaian atau ramalan, kaedah statistik dan pengurusan grafik. Jadual di bawah menunjukkan dengan jelas aspek fungsional dan peranan ketiga-tiga mekanisme tersebut dalam penyelidikan saintifik.

Jadual 2: Fungsi Andaian, Statistik dan Grafik Dalam Kaedah Saintifik

ALAT	FUNGSI
RAMALAN	<ul style="list-style-type: none">-mempengaruhi aktiviti penyelidikan secara konsisten-asas kepada prosedur penyelidikan-mempengaruhi kaedah penyelidikan-memberi kesan terhadap interpretasi penemuan
STATISTIK	<ul style="list-style-type: none">-digunakan eksperimen yang memerlukan analisis ke atas perubahan kompleks-memproses data kuantitatif-memelihara keobjektifan data.-menjawab persoalan penyelidikan-menilai hipotesis sama ada diterima atau ditolak-melatih berfikir menggunakan alat-alat pengukuran-mentafsir data
PENGURUSAN GRAFIK	<ul style="list-style-type: none">-merancang dan menyusun idea dengan cara yang teratur dan jelas-mengawal dan memahami proses pemikiran sendiri-menterjemah idea dalam bentuk nyata-menjadikan proses berfikir lebih sistematik-mengelakkan daripada berfikir secara terburu-buru, sempit, kabur dan berkecamuk

Sehubungan itu, Ziauddin Sardar membuat perbandingan corak sains Islam dan Barat daripada aspek falsafah, metodologi dan konseptual. Ternyata pendekatan falsafah sains Islam dan Barat wujud perbezaan ketara. Malah pendekatan falsafah bertemakan menyelidik dengan tujuan mencari kebenaran harus diintegrasikan dan disintesis dalam pengajian Syariah. Pendekatan ini memiliki sifat keilmuan, eksklusif dan terbuka. Kelebihan pendekatan ini untuk bidang pengajian Syariah boleh dirujuk kepada tiga perkara yang utama seperti berikut;

- i) Pencarian dan perumusan idea atau gagasan yang bersifat mendasar dalam berbagai persoalan.
- ii) Pengenalan dan mendalami persoalan serta isu-isu fundamental dapat membentuk cara berfikir yang kritis.
- iii) Proses ini bakal membentuk mentaliti dan kaedah berfikir yang mengutamakan kebebasan intelektual dan wujud toleransi fiqh serta menafikan fanatisme mazhab.

Paradigma lain, namun masih dalam skop yang sama iaitu, peranan pemikiran saintifik dalam pengajian Syariah, khususnya pembinaan hukum Islam semasa. Pemikiran saintifik merujuk kepada dua komponen asas, iaitu falsafah dan kaedah berfikir yang digunakan oleh ahli sains di dalam aktiviti- aktiviti yang dilaksanakan. Aspek falsafah, ahli sains menyoal dan berfikir tentang kebenaran dan objektif sains. Manakala dari sudut kaedah berfikir pula, pemikiran saintifik bermaksud kaedah berfikir yang diamalkan oleh ahli sains.

Sehubungan itu, kaedah berfikir ini mempunyai hubungkait secara langsung dengan matlamat sains dan memberi implikasi besar dalam memahami dan memperkembangkan sains sebagai satu bidang ilmu yang dinamik. Sebenarnya elemen pemikiran saintifik seperti sistematik, formal dan objektif ternyata wujud dalam Islam bagi memudahkan manusia memahami dan menjalani kehidupan harian dengan lebih teratur. Realitinya, umat Islam tidak dihalang oleh agamanya untuk berfikir secara saintifik melalui kaedah yang digunakan oleh pemikir Barat, selagi ianya tidak mempunyai kontradiksi dengan agama.

Penguasaan serta aplikasi pemikiran saintifik secara realitinya adalah merupakan tuntutan Islam dan akan menentukan ketamadunan sesuatu bangsa terutama masyarakat Islam itu sendiri. Ilmu itu juga yang akhirnya mampu memartabatkan maruah agama Islam pada pandangan agama-agama lain. Pembangunan dan pelaksanaan Syariat Islamiah sebagai visi dan misi unggul, secara praktiknya memerlukan projeksi minda yang bersifat eksploratif, meneroka, menyelidik dan mempelajari ilmu Syariah kemudiannya diproduksikan manfaatnya secara holistik. Seseengah data sains dapat digunakan untuk memahami teks al-Quran dengan lebih mendalam. Tidak dinafikan juga, penemuan sains telah menzahirkan keagungan wahyu dan ilmu sains dan teknologi dieksploitasikan sebagai alat berfikir tentang kewujudan Allah.

APLIKASI ELEMEN PEMIKIRAN SAINTIFIK DALAM PENGAJIAN SYARIAH: PERSPEKTIF METODOLOGI

Apa yang jelasnya, pada zaman keunggulan tamadun Islam, umat Islam telah mempraktikkan budaya ilmu yang tinggi. Di antara faktor kecemerlangan budaya ilmu ini ialah bersikap terbuka dan selektif terhadap jenis ilmu dan metodologi pengajiannya di samping proses islamisasi terkawal aspek epistemologi ilmu terbabit. Faktor berikutnya ialah pemikiran analitikal kritis yang digarapkan terhadap ilmu tanpa sifat fanatik kepada

seseorang guru. Kepentingan utama di sini, *precedent* warisan silam ini, perlu dikaji dan dinilai semula keberkesannya berhadapan dengan tuntutan pasaran semasa dan arus pemodenan Malaysia.

Berasaskan kesedaran ini, usaha rekonstruktif pengajian Syariah patut dilakukan melalui pendekatan aplikasi keilmuan moden khususnya sains demi memastikan kerelevanan warisan silam ini. Rasionalnya, mana-mana institusi besar dan berpengaruh perlu memiliki identiti sendiri yang mantap. Pengajian Syariah di Malaysia harus mempunyai metodologi yang berotoriti sebelum bergerak lebih jauh. Merujuk kepada perkara di atas dan situasi semasa, kita harus meletakkan beberapa asas penting dalam membangunkan sistem pengajian Syariah sedia ada.

Oleh kerana pengajian Syariah bersifat dinamis, skop dan metodologi pengajiannya juga harus berkembang seiring dengan keperluan masyarakat dan pengajian itu sendiri. Fokus kepada silibus umum pengajian Syariah adalah terdiri daripada wahyu dan hasil ijtihad fuqaha. Warisan ilmu dikodifikasikan dalam pelbagai bentuk penulisan termasuk yang dikenali sebagai kitab-kitab fiqh. Umumnya, warisan ini adalah merupakan hasil kefahaman para fuqaha terhadap kehendak syariah yang bercirikan wahyu. Kefahaman berasaskan pemikiran fuqaha adalah sesuatu yang sentiasa berkembang mengikut keadaan, kemampuan intelektual dan realiti hidup.

Hakikatnya, tidak ada jalan mudah untuk menjadikan pengajian Syariah lebih berdaya maju dan multi-fungsional pada era kini. Metodologi pengajian yang perlu dilaksanakan secara umumnya ialah pertama; menerapkan semua elemen ilmu yang berbentuk warisan fiqh dalam silibus pengajian, kedua; meneliti dan mengimbas langsung isu-isu semasa dan ketiga; usaha sintesis segala bentuk metodologi pengajian sains secara selektif positif. Natijahnya, melalui metodologi inilah diharapkan agar prinsip-prinsip syariah yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah akan diimplementasikan secara integratif dengan nilai-nilai intelektual semasa.

Bagi merealisasikan wacana ini, perlu diwujudkan pola pemikiran secara paralel. Ini bertujuan untuk membezakan antara prinsip syariah sebagai asas pemikiran dalam menyelesaikan masalah hukum dan warisan fiqh yang merupakan hasil asimilasi antara prinsip syariah dengan intelektual tertentu. Pendekatan ini, harus juga diproduksikan secara serentak dengan elemen pemikiran kritis dan kreatif. Kedua-dua elemen pemikiran digabungkan secara bersama bagi menilai kesimpulan baru seterusnya membentuk reka bentuk konsep yang lebih holistik. Selain itu, ianya bakal membentuk mentaliti sarjana yang mengutamakan kebebasan intelektual.

Perkara yang menjadi teras bagi pengajian Syariah adalah untuk membantu pelajar bagi mengetahui, memahami, mengamalkan, menghayati (analisis, sintesis, penilaian, hidup) dan membudayakan (pengembangan) konsep, proses, prinsip, kemahiran, prosedur, peraturan, kepercayaan, nilai, akhlak dan adab. Kekuatan pengajian Syariah adalah satu konsep yang boleh digunakan untuk menandakan beberapa kecekapan dan kebolehan yang perlu dibina oleh setiap pelajar pengajian Syariah. Sebagai tambahan, beberapa ciri pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar boleh dikategorikan seperti berikut;

Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik dalam Pengajian Syariah: Satu Pendekatan

- 1) Berasaskan pembinaan oleh pemikiran pelajar sendiri dan bukan ditemui olehnya dalam persekitaran fizikal. Pengetahuan berkaitan ilmu syariah melalui asas ini adalah tidak sempurna.
- 2) Hasil daripada aktiviti yang melibatkan pengetahuan sedia ada atau daripada keperluan dalam kehidupan seharian.

Kedua-dua ciri pengetahuan di atas selepas pembentukannya, boleh membabitkan salah faham, salah tafsir dan terbuka kepada pemantapan dan pemurniaan. Pemikiran pelajar adalah sebuah penjana untuk diaktif. Kaedah percambahan fikiran boleh digunakan untuk menjana seberapa banyak strategi pemikiran yang sesuai diaplikasi dalam metodologi pengajian Syariah. Perkara ini penting bagi mengisi ruang pemantapan dan pemurniaan pemikiran pelajar.

Dalam pada itu, penerapan elemen pemikiran reflektif amat relevan dikoordinasikan dalam metodologi pengajian Syariah berasaskan isu pembinaan pengetahuan pelajar seperti di atas. Pemikiran ini mampu memotivasikan pelajar agar berfikir secara urutan idea, cepat membuat keputusan, penilaian kritikal dan menggalakkan berfikir secara terbuka. Kemampuan dan kemahiran ini berperanan dalam mereka bentuk penyelesaian masalah berdaya maju. Di sinilah terletaknya peranan fiqh jika dilihat kepada silibus umum pengajian Syariah. Ini adalah kerana syariah Islam menyediakan prinsip umum politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab para sarjana Syariah menjawab persoalan masa kini dengan menggarapkan prinsip, kaedah dan sistem warisan fiqh di samping usaha analisis elemen budaya, sosial dan implikasi sains dan teknologi.

Adalah tidak wajar menafikan peranan sumber warisan kerana tanpa sumber tersebut ilmuan zaman kini tidak akan memiliki apa-apa. Analisa komparatif perlu diterapkan secara sistematik dan berdasarkan kaedah induktif. Pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir berdasarkan fakta dan hukum umum yang diketahui. Selain itu, pendekatan ini berkait rapat dengan pembentukan budaya inkuiri, iaitu pelajar tidak secara langsung diberikan jawapan terhadap sesuatu masalah tetapi dibimbing untuk memperolehi jawapan. Pelajar dilatih untuk berfikir dan membuat keputusan atas daya usaha sendiri. Ilmu yang diperolehi lebih bermakna, di samping membentuk kemahiran mencari maklumat selain daripada merujuk buku teks mereka.

Secara ringkasnya, dapat dirumuskan di sini bahawa aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian Syariah fokus aspek metodologi pengajiannya perlu diberikan penekanan kepada aspek penjana pemikiran pelajar. Pendekatan ini dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir secara rasional, teliti dan objektif. Selain itu juga, pelajar turut dibekalkan dengan daya rumus dan analisis yang akan meningkatkan kemampuan ijtihad. Kemampuan ijtihad pelajar sewajarnya berteraskan metodologi *istinbat* dan *istidlal* dengan merujuk kepada sumber warisan dan moden yang berautoritatif. Pelajar seharusnya mempunyai kemahiran saintifik hasil aplikasi pemikiran saintifik. Kemahiran ini antara lainnya dapat meningkatkan upaya meneroka fenomena baru berlandaskan pengetahuan sedia ada. Di samping menguasai keupayaan menguji, menyelidik dan memahami perkaitan yang wujud antara teori, konsep dan prinsip umum terkandung dalam pengajian Syariah.

APLIKASI ELEMEN PEMIKIRAN SAINTIFIK DALAM PENGAJIAN SYARIAH: PERSPEKTIF PEDAGOGI

Pada umumnya, matlamat utama dalam pelaksanaan sistem pendidikan Islam adalah untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah s.w.t. Tugas pendidik khususnya pengajian Islam kini lebih tertumpu kepada pembangunan intelektual para sarjana dengan tujuan utama untuk memajukan masyarakat Islam yang menjadi teras kepada masyarakat di Malaysia. Oleh itu, tugas pendidik dalam pengajian Syariah khususnya tidak seharusnya sekadar menjurus kepada persoalan pemindahan maklumat tetapi juga berkaitan dengan aspek pembentukan para sarjana Syariah yang memiliki nilai intelektual semasa.

Dalam perbincangan di sini, pedagogi pengajian Syariah merujuk kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan dalam sistem pengajian Syariah. Pengajaran adalah kaedah yang digunakan oleh pendidik untuk menyampaikan pelajaran atau ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Pengajaran merupakan satu proses yang mempunyai matlamat dan tujuan. Sesuatu proses pengajaran yang dikatakan berjaya sekiranya matlamat dan tujuan tercapai. Selain itu menurut Ab. Halim Tamuri;

“Pengajaran merupakan suatu seni kerana dalam proses pengajaran itu seseorang guru perlu kreatif. Guru yang kreatif akan menjadikan pengajaran lebih menarik dan berkesan”.

Kaedah pengajaran dalam pengajian Syariah perlu diajar dengan lebih menarik dengan menjadikan pengajaran lebih berkaitan dengan permasalahan semasa dan menyepadukan unsur kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran (selepas ini akan digunakan dengan ringkasan (P&P). Kaedah dan teknik yang disarankan ialah kaedah penyelesaian masalah, syarahan, hafalan, demonstrasi dan perbincangan.

Mengikut analisis yang dibuat oleh Dr. Wan Salim Wan Mohd Daud, pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat dengan pengajian Islam di Malaysia adalah agak ketinggalan dalam melaksanakan P&P berbanding dengan pengajian lain. P&P di pusat pengajian tinggi masih mengikut cara pendidikan tradisional yang diwarisi zaman silam. Sepatutnya pengajian Islam khusus pengajian Syariah tidak hanya berperanan sebagai pewaris keilmuan zaman silam, malah mestilah juga mampu membina budaya umat bercirikan integratif dengan realiti semasa. Implikasi negatif daripada pelaksanaan P&P secara tradisional ini ialah bakal melahirkan pemimpin yang lemah, berfikiran sempit, hanya tahu menghafal tetapi tidak pandai berfikir. Kesenambungan itu juga, sarjana Syariah yang bakal dilahirkan hanya akan bersifat pasif menerima pandangan tanpa bersikap kritikal, suka bertaqlid dan tidak mampu berjihad serta tidak kreatif tanpa mempunyai daya reka dan daya cipta.

Pada peringkat asasnya, ciri utama pedagogi berteraskan aplikasi elemen saintifik adalah bukan hanya memberi maklumat dan informasi yang terkandung dalam perbendaharaan fiqh. Bahkan, melalui pendekatan membentuk kemahiran berfikir yang dapat melahirkan pelajar yang berfikiran kritikal dan kreatif. Kesannya pelajar mempunyai kemampuan berfikir secara ilmiah dan praktikal serta berjaya melenyapkan sindrom beku, jumud dan taqlid. Sindrom atau gejala tersebut amat dibimbangi oleh sarjana Islam kerana ianya bakal memberi impak kepada penghayatan sebenar terhadap konsep dan prinsip syariah yang syumul.

Begitu banyak kemahiran berfikir yang boleh diterapkan dalam P&P pengajian Syariah. Peranan pendidik dalam hal ini adalah sebagai pemudah cara dan pembimbing kepada pelajar. Pembudayaan pemikiran analogi dan abduktif boleh diaplikasikan dalam P&P untuk memberikan kefahaman tentang konsep bagi menjalankan penganalisaan teori yang rumit. Elemen ini amat penting diterapkan dalam pengajaran tentang konsep *masaleh al-mursalah* dan kaedah-kaedah maqasid yang memerlukan proses penilaian dan bersifat kontekstual. Seterusnya disintesis dengan instrumen al-qiyas bagi menemukan hasil akademik yang bersifat semasa. Pelajar sewajarnya didedahkan tentang pandangan global (*global outlook*) agar mereka terbiasa dengan pemikiran global. Perkara ini amat realistik jika melihat prinsip syariah antara lainnya terkandung unsur universal ('*alamiah*'). Kaedah kemahiran saintifik yang diterapkan dapat membantu pendidik dalam merangsang dan menggalakkan pelajar bagi mengikuti pelajaran secara lebih aktif khususnya dalam aktiviti berdiskusi.

Kaedah pedagogi yang disarankan dalam pengajian Syariah sebenarnya tidak banyak berbeza dengan kaedah yang diaplikasikan dalam pengajian sains. Ini mungkin disebabkan oleh ilmu sains itu sendiri adalah sebahagian daripada ilmu agama. Sebagai contoh kedua-dua bidang pengajian ini menyarankan pengintegrasian kemahiran berfikir. Selain kaedah inkuiri amat penting diterapkan dalam pengajian Syariah sebagaimana pengajian sains, kaedah demonstrasi juga boleh diterapkan dalam P&P pengajian Syariah. Alat bantu pemikiran seperti penggunaan statistik dan pengurusan grafik amat sesuai diaplikasi dalam P&P pengajian.

Demonstrasi melalui penggunaan statistik dan grafik dapat menimbulkan minat dan menambahkan lagi kefahaman pelajar terhadap sesuatu subjek yang diajar. Kaedah talaqi dalam P&P atau berasaskan teks atau kitab semata-mata bakal mewujudkan suasana pembelajaran yang kaku dan membosankan. Pengajian Syariah merujuk kepada fiqh adalah berasaskan bentuk pengajian amali, maka amalan P&P seharusnya bersifat praktikal dan bukan teorikal.

Kemahiran P&P adalah penting bagi menjalankan tugas sebagai pendidik yang berkesan. Antara kemahiran mengajar yang perlu dikuasai ialah kemahiran memulakan pengajaran melalui kaedah mengemukakan persoalan, menggunakan contoh-contoh dan pemaparan isu melalui imbasan persekitaran. Kreativiti pendidik dalam melaksanakan tugas P&P adalah penting bagi suasana pembelajaran yang kondusif dan afektif. Isu-isu hukum semasa yang berorientasikan perkembangan sains dan teknologi wajar dikemukakan secara sistematik.

Elemen sistematik dalam pedagogi pengajian Syariah berfungsi dalam memastikan pengajaran dan pengkajian dapat mencapai tujuan dan meminimumkan ralat. Penerapan boleh direalisasikan dalam perbincangan metodologi hukum yang berasaskan *talfiq*, *takhayyur* dan *tarjih*. Perbincangan atau diskusi perlu diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan. Melalui kaedah sistematik tersebut, pelajar-pelajar akan terangsang untuk turut sama terlibat dalam aktiviti P&P secara aktif. Komunikasi pelbagai hala akan terhasil daripada proses yang menjadikan proses P&P lebih menarik dan berkesan.

Sebagai konklusi sederhana di sini, pedagogi pengajian Syariah harus dimantapkan seiring dengan arus pemodenan semasa. Amalan P&P yang berjaya dan berkesan mampu mengubah persepsi dan perspektif negatif pelajar terhadap pengajian itu sendiri.

Jika sebelumnya pengajian Syariah dilihat sebagai pengajian yang bercirikan statik dan dogmatik, malah lebih ironis belajar ilmu Syariah dilabelkan sebagai belajar ilmu sejarah. Pemanfaatan elemen pemikiran saintifik dalam pedagogi pengajian Syariah dapat melahirkan pelajar yang berdaya saing serta berinovasi. Melalui pemikiran yang inovatif dapat mencetuskan idea baru dan berkemampuan mereka cipta kaedah penyelesaian masalah yang idealistik dan realistik. Segala permasalahan dapat dirungkai dengan mudah apabila manusia mengembangkan cara berfikir dinamis dan sanggup menerima perubahan untuk lebih maju.

KESIMPULAN

Kesimpulan boleh dibuat, bahawa usaha aplikasi elemen pemikiran saintifik dalam pengajian Syariah semasa boleh dianggap sebagai keperluan yang amat mendesak, lebih-lebih lagi pada era globalisasi amat memerlukan sikap keprihatinan dan pro-aktif di kalangan fuqaha Islam untuk menawarkan formula penyelesaian masalah Islam terhadap pelbagai persoalan kehidupan yang timbul dalam masyarakat.

Pandangan prejudis dan stereotaip terhadap usaha aplikasi elemen saintifik dan pengajian Syariah harus dielakkan. Mungkin perbezaan yang perlu kita awasi ialah persoalan falsafah yang mendasari pemikiran yang dikatakan saintifik itu. Pemikiran saintifik yang berasaskan falsafah mekanisme Descartes, misalnya, menolak peranan Tuhan dalam memahami kejadian alam, atau kebenaran hanya boleh diterima jika ianya boleh diuji dan disahkan oleh rasionaliti akal semata-mata.

Rasionalnya ialah kebangkitan kesedaran di kalangan sarjana Islam tentang pentingnya dilakukan penerapan saintifik moden yang lebih berjiwa Islam ke dalam sistem pengajian Syariah moden. Hal ini perlu dilakukan sebagai langkah pro-aktif untuk membangun kerangka saintifik Islam yang lebih bersifat islamik dan memenuhi keperluan zaman moden. Selepas Malaysia mencapai status kemerdekaan, di era 1960an-1980an telah timbul beberapa usaha untuk membangunkan masyarakat Malaysia ke arah status yang lebih baik berbanding dengan zaman penjajahan kuasa Barat.

Di samping itu kita tidak menafikan bahawa sains dan pemikirannya perlu bagi pembangunan intelektualisme Islam kontemporari. Elemen kaedah pemikiran saintifik seperti sistematik, logikal, analogikal, objektif, formal, penggunaan statistik dan matematik yang telah sedia diadaptasikan dalam tradisi keintelektualan Islam, harus diteruskan secara efektif bagi memantapkan pembinaan pemikiran hukum Islam. Dalam pada itu, pemikiran saintifik Barat perlu diasimilasi dan diislamisasi secara kondusif dan selektif demi pembangunan hukum Islam yang bersifat kontemporari dan dinamik.

Di sini, penulis bukan bermaksud mengatakan bahawa keterikatan pengajian Syariah terhadap tradisi silam dan ketetapan hukum yang berasaskan metodologi kajian ilmiah sedia ada menghalang kemajuan dan pemodenan masyarakat Islam. Tetapi apa yang dikehendaki daripada usaha aplikasi pendekatan baru adalah berteraskan realisasi masalah sebenar fokus pengembangan dinamisme pengajian Syariah itu sendiri. Seperti mana pendapat Prof Wan Mohd Nor, kelemahan umat Islam dalam peradaban selama beberapa kurun ini bukanlah disebabkan kelemahan sistem epistemologi dan metode pentafsiran sumber-sumber agama. Umat Islam mundur kerana menyimpang daripada mempraktikkan sistem pengajian Islam seperti generasi terdahulu.

Gagasan untuk membuka semula pintu ijtihad tidak bermakna apa-apa sekiranya infrastruktur keilmuan, khususnya institusi-institusi pengajian yang menawarkan pengajian Syariah tidak mantapkan, terutamanya daripada segi epistemologi, metodologi dan pedagogi pengajiannya. Selain itu, langkah pro-aktif boleh diambil dengan menyediakan pusat penyelidikan atau makmal kajian intensif di pusat-pusat pengajian Syariah. Realitinya, dalam catatan sejarah ketamadunan sains Islam silam, observatori atau pusat penyelidikan dan lebih dikenali sebagai cerapan astronomi merupakan institusi penyelidikan yang disepakati oleh sejarawan sains sebagai tempat bermula tradisi sains Islam.

Pengembangan pengajian Syariah harus diperluaskan skopnya meliputi kerja-kerja lapangan dan kajian makmal, bukan sekadar berbentuk teori, falsafah, kepustakaan dan talaqi seperti sedia ada semata-mata. Sesuai dengan keperluan semasa dan keperluan memperlengkapkan mahasiswa sebagai bakal mujtahid berwibawa di era kini, adalah dicadangkan dimasukkan beberapa kursus pengajian sains bagi melahirkan generasi fuqaha yang intelek dan integratif penguasaan ilmunya.

Di sini, dapat kita katakan bahawa usaha mewujudkan lulusan pengajian Syariah yang serba boleh dan mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat samada di peringkat tempatan ataupun antarabangsa bukanlah suatu harapan yang mustahil. Pandangan ini tidak dibuat secara sewenang-wenangnya, tetapi telah dibuktikan dengan fakta sejarah yang menunjukkan sifat serba boleh (*versatile*) yang dimiliki oleh lulusan ini, yang secara terang-terangan telah memberi impak yang cukup besar di dalam pembentukan tamadun intelektual dan material masyarakat Islam. Fakta dan peristiwa sejarah ini sepatutnya tidak hanya dibanggakan secara kosong, tetapi perlu disertakan dengan pelbagai pelan bertindak bagi memastikan lulusan pengajian Syariah ini tetap relevan untuk realiti semasa.

BIBLIOGRAFI

- Al Qaradhwai, Yusuf (2000). *Pembaharuan Fiqh Abad 21*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah publisher.
- Abdullah Ishak (1992). *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpur: BAHEIS.
- Abdul Latif Samian (2003). *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amir Hussin Mohd Nor (2000). Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula. *Jurnal Syariah* 8: 1: 43-45.
- DeBono, Edward (2003). *Belajar Berfikir*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.
- Hairudin Harun (1992). *Kepintaran Buatan: Komputer atau Falsafah?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Yahya (2003). *Berfikir*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1992). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Daud Bakar & Zainudin Jaafar (1997). *Memahami Kaedah Hukum Islam Dalam Pendekatan Perubatan Masa Kini*. Kuala Lumpur: INMIND.

Osman Bakar (1994). Persoalan Mengenai Kaedah Dalam Sains Islam. Dalam Baharudin Ahmad. *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SUDUT BERITA

'A-LIEP 2011: Asia-Pacific Conference on Library & Information Education and Practice- Issues, Challenges and Opportunities' pada 22 – 24 Jun 2011 di Pullman Hotel Lakeside, Putrajaya.

Persidangan adalah anjuran bersama Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan didokong oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Merupakan persidangan antarabangsa kali ke empat yang menjadi saluran kepada para peserta berbincang, berkongsi dan membahaskan isu-isu dan cabaran dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat terutama di rantau Asia-Pasifik. Sejak tahun 2006, 2007 dan 2009 persidangan A-LIEP telah berlansung di Singapura, Taiwan dan Jepun yang telah membawa kepada perubahan dan pembangunan setelah pelbagai isu diperbincangkan. Pada persidangan kali ini A-LIEP akan disertai oleh para ilmuan, penyelidik, pelajar, pekerja mahir dan individu yang berminat dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat melangkaui sempadan antarabangsa bagi mewujudkan rangkaian pendidikan, kolaborasi, pertukaran idea, dan perkongsian maklumat melalui pembentangan kertas kerja, perbincangan dan pameran.

'World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists 2011 (WCOMLIS)' pada 16 – 17 November 2011 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Persidangan ini adalah anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan kolaborasi Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menjadi saluran kepada para pustakawan dan saintis maklumat Islam untuk membincangkan sebarang masalah berkaitan maklumat dalam dunia Islam.

LELUHUR PERPUSTAKAAN ISKANDARIAH

'The very name of the Bibliotheca Alexandrina conjures up the image of glorious past, of a shared heritage, not just between Greece and Egypt, nor even of the whole Mediterranean, but a shared heritage for all of humanity. For it was indeed at the Ancient Library of Alexandria that the greatest adventure of the human intellect was to unfold.

2300 years ago, Alexander the Great, Aristotle's pupils, brought his dream of culture and conquest, of uniting the world and launching a new era to the timeless land of Egypt. Alexander selected the site for a new capital: Alexandria. His successors in Egypt, the Ptolemies, built Alexandria and made it the intellectual capital of the world. Its lighthouse, the Pharos, was considered one of the seven wonders of ancient world. But a greater legacy was the Ancient Library of Alexandria. Launched in 288 BC by Ptolemy I (Soter) under the guidance of Demetrius of Phaleron, the temple to the muses, or Mouseion (in Greek), or museum (in Latin) was part academy, part research center, and part library. The great thinkers of the age, scientists, mathematicians, poets from all civilizations came to study and exchange ideas. As many as 700,000 scrolls, the equivalent of more than 100,000 modern printed books, filled the shelves. The library was open to scholars from all cultures. Girls and boys studies regularly at the Ancient Library.

On this very spot: Aristarchus was the first person to state that the earth revolves around the sun, a full 1800 years before Copernicus. Eratosthenes proved that the earth was spherical and calculated its circumference with amazing accuracy, 1700 years before Columbus sailed on his epic voyage. Hipparchus established the first atlas of the stars and calculated the length of the solar year accurately to within 6.5 minutes. Callimachus the poet described the texts in the library organized by subject and author, becoming the father of the library science. Euclid wrote his elements of geometry, the basic text studied in schools all over the world even now. Herophylus identified the brain as the controlling organ of the body and launched a new era of medicine. Manetho chronicled the pharaohs and organized our history into the dynasties we use to this day. Zenodotus and the grammarians established the basics of literary scholarship with their meticulous definition of the Homeric text for the Iliad and Odyssey. And the list of great names and great achievement goes on and on.... Diophantes, Appolnius of Perga, Heron and visiting scholars such as Archimedes.... They and many others were all members of that amazing community of scholars, which mapped the heavens, organized the calendar, established the foundations of science and pushed the boundaries of our knowledge. They opened up the cultures of the world, established a true dialogue of civilizations. Indeed, it was at the ancient Library of Alexandria that 72 specialists first translated The Old Testament from Hebrew into Greek (the famous Septuagint). Together these scholars promoted rationality, tolerance and understanding and organized universal knowledge. For over six centuries the ancient of Alexandria epitomized the zenith of learning, as later scholars, such Claudius Ptolemy and Dioscoredes built on that explosion of knowledge and added their contributions. To this day it symbolizes the noblest aspiration of the human mind, global ecumenism, and the greatest achievement of the intellect. The library completely disappeared over sixteen hundred years ago...but it continues to inspire scientists and scholars everywhere.

The Bibliotheca Alexandrina was located in at least three buldings; (i) the original Museum in the royal district of the city, (ii) the additional building mostly for book storage, located on the harbor, and (iii) the "daughter Library" located in the Serapeum, the temple to

Serapis, cult god of Alexandria. The Serapeum was located in the southwest part of the city, the popular quarter. The library disappeared slowly, suffering a slow decline from the time of Caesar and Cleopatra. Indeed, the first disaster was in 48 B.C, when the part of the library located at the harbor was accidentally set afire during the Alexandrian war of Julian Caesar. However, Marc Anthony gave Cleopatra the 200,000 scrolls of Pergamon, to make up for the losses. Yet, subsequent upheavals within the Roman Empire resulted in the gradual neglect and ultimate destruction of the library. Roman armies came to Alexandria to restore order several times between 200 and 300 AD, and it was on one of those occasions, (probably the campaign of Aurelius in 272 AD) that the entire royal quarter and the original Museum were destroyed. Christianity was brought to Africa through Alexandria by St. Marc in the first century AD, and it was followed by merciless and brutal persecution of the Christians by the Roman in the first three centuries. Persecution ceased with the conversion of Constantine the Great, but schisms erupted in the church. Tensions were running high and tolerant church fathers such as Clement of Alexandria had to leave the city and his disciple Origen suffered much for his views. In 391 AD Emperor Theodosius issued a decree banning all religions other than Christianity and Christian Groups under Bishop Theophilus burnt the Serapeum in 391 AD. This was the end of the ancient library as a public institution. What remained were the scholars in uneasy co-existence with an increasingly militant Christian mob. Tragedy struck in 415 AD. Hypatia, daughter of Theon, last recorded scholar in Alexandria, herself the first woman in mathematics and astronomy, a Neo-Platonist philosopher and charismatic orator, was brutally murdered by the mob in 415 AD. She became the first martyr to science. Thus by 400 AD, the Library had vanished, and the era of Alexandria scholarship came to an end a few years later. It had thus disappeared over two centuries before the arrival of the Muslim Arab armies in 641 AD.

*But the memory of the ancient Library of Alexandria lived on. It continued to inspire scholars and humanists everywhere. Many dreamt of one day reviving the great Library...
(Ismail Serageldin, http://www.serageldin.com/ancient_Library.htm)*

PANDUAN PENULIS

Informika merupakan penerbitan tahunan bertujuan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- Untuk menggalakkan penyebaran pengetahuan dan idea dalam pelbagai disiplin berkaitan dengan peradaban informasi di kalangan akademik, sarjana, intelektual, pustakawan dan pekerja ilmu.
- Untuk membantu para akademik mengenengahkan hasil karya mereka samada berbentuk penyelidikan, esei, resensi buku dan seumpamanya.

Skop

Jurnal ini meliputi bidang-bidang berikut:

- Sains perpustakaan dan maklumat
- Pengurusan sistem maklumat
- Pengurusan rekod dan arkib
- Pengurusan pusat sumber maklumat
- Pengurusan pengetahuan
- Manuskrip dan koleksi khas
- Komunikasi dan media
- Pengajian masa depan (*Future studies*)
- Dunia buku dan penerbitan

Isi Kandungan

Jurnal ini mengandungi ruangan berikut:

- (a) Esei fokus
- (b) Esei umum
- (c) Nota penyelidikan/*research in progress*
- (d) Resensi buku
- (e) Rekayasaan (Esei yang menyarankan perubahan)
- (f) Refleksi (sekilas pandangan)

Kekerapan

Jurnal ini diterbitkan sekali setahun.

Tema Keluaran Akan Datang

Sentuhan Intelektual Membaca Karya-karya Besar.

Penghantaran Artikel

Sila hantarkan sesalinan artikel ke alamat penerbit atau e-mel kepada ***shaharom@salam.uitm.edu.my*** atau ***wkadir@salam.uitm.edu.my*** sebelum 15 Oktober 2011.